

Kerajaan boneka asing jika pembangkang memerintah — Mahathir

10

KUALA TERENGGANU 26 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat negara ini bahawa jika pembangkang menjadi pemerintah, ia akan menjadi sebuah kerajaan boneka yang didalangi oleh kuasa asing.

Perdana Menteri berkata, ini kerana pihak pembangkang begitu berbangga dan mengakui bahawa mereka mendapat sokongan daripada 'orang putih'.

"Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dalam ucapannya bersama Karpal Singh di Jelutong, mengakui mereka mendapat sokongan daripada orang putih... dan mereka bangga sekali.

"Ini sebenarnya memalukan negara ini... ini negara kita, kita tidak perlu dapat sokongan orang lain.

"Saya percaya kalau mereka (pembangkang) jadi kerajaan, mereka akan didalangi dan menjadi boneka orang asing dan ini bermakna kita tidak lagi merdeka," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyempurnakan majlis pecah tanah pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud di sini, hari ini.

Sehubungan itu tegas Perdana Menteri, dari segi moralnya penerimaan bantuan daripada orang asing bermakna campur tangan dalam kehidupan masyarakat di negara ini.

Utusan hari ini melaporkan Wisma Putra mempunyai bukti kukuh dan mengesahkan ada antara pejabat perwakilan asing yang menghulurkan bantuan kewangan kepada pakatan pembangkang bagi membantu kempen pilihan raya umum.

Tanpa menjelaskan kedutaan atau suruhanjaya tinggi mana yang menghulurkan bantuan kewangan itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar menjelaskan, Pesuruhjaya Tinggi Britain, Kanada, Australia dan Duta Amerika Syarikat telah pun dipanggil memberikan penjelasan terhadap penglibatan mereka itu.

Wisma Putra telah menyoal dengan panjang lebar mengenai sebab penglibatan mereka dengan pakatan pembangkang dan diheri peringatan agar tidak campur tangan dalam urusan negara ini.